

POLISI PENGENDALIAN KLINIK-KLINIK PAKAR DI HOSPITAL SULTANAH AMINAH SEMASA CUTI PERISTIWA

1. PENGENALAN

Terdapat ketidakseragaman Perkhidmatan Klinik-Klinik Pakar Hospital Sultanah Aminah apabila Cuti Peristiwa atau sebarang cuti yang diumumkan oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri Johor dalam masa singkat.

Ada beberapa buah klinik meneruskan perkhidmatan seperti biasa dan terdapat juga klinik yang menutup perkhidmatan tanpa sebarang maklumat temujanji baru kepada pesakit yang telah dijadualkan pada hari tersebut. Beberapa jabatan tidak meletakkan anggota berada di klinik untuk menukar tarikh temu janji pesakit sekiranya pesakit hadir untuk mendapatkan rawatan.

Ini menimbulkan rungutan daripada pesakit dengan mempersoalkan kenapa perkhidmatan tidak seragam serta menjadi beban kepada klinik dan anggota jabatan lain yang meneruskan operasi seperti biasa untuk melayan pesakit.

2. PERKHIDMATAN POLIKLINIK PAKAR HSAJB

Perkhidmatan Klinik Pakar di Poliklinik HSAJB dibahagikan seperti berikut:

- Klinik - Klinik Pakar
(Perubatan Am, Pembedahan Am, Obstetrik & Ginekologi, Pediatrik, Dermatologi, Kardiologi, Orthopedik, Neurosurgeri, Kardiothorasik, Pembedahan Plastik & Rekonstruktif, Urologi, Oftalmologi, Otorinolaringologi, Anestesiologi & Rawatan Rapi, Psikiatri & Kesihatan Mental, Respiratori, Pergigian Pediatrik, Bedah Mulut)
- Perkhidmatan *Full Paying Patient*.
- Perkhidmatan Rawatan Harian seperti Endoskopi, ESWL, Dewan Bedah Kecil (Poly OT) dan Hemodialisis.
- Perkhidmatan Pengambilan Darah dan Makmal K.
- Perkhidmatan Farmasi
- Perkhidmatan Radiologi
- Perkhidmatan Fisioterapi, Pemulihan Carakerja dan Rehabilitasi

3. TUJUAN

- 3.1. Menyeragamkan Perkhidmatan Klinik-Klinik Pakar semasa Cuti Peristiwa.
- 3.2. Memastikan pesakit mendapat tarikh temu janji baru.
- 3.3. Terdapat anggota yang terlibat membantu pesakit mereka yang hadir untuk mendapatkan rawatan pada masa tersebut.
- 3.4. Mengurangkan kekeliruan pesakit dengan penjelasan yang diberikan
- 3.5. Meletakkan Polisi Cuti Peristiwa di Laman Sesawang sebagai rujukan pesakit.
- 3.6. Pengurusan pesakit yang hadir mendapatkan rawatan pada cuti peristiwa.

4. POLISI

4.1. Cuti Peristiwa diumumkan lebih dari 7 hari (Anggota Klinik Pakar sempat menghubungi pesakit untuk memberikan tarikh janji baru)

- 4.1.1. Klinik akan ditutup pada tarikh cuti tersebut.
- 4.1.2. Pegawai yang menjaga (PIC) setiap klinik/ sokongan klinikal mempunyai masa yang cukup untuk menghubungi pesakit bagi memberikan tarikh temujanji yang baru.
- 4.1.3. Pesakit yang tidak dapat dihubungi akan dilayan bila pesakit datang ke klinik selepas cuti peristiwa.

4.2. Cuti Peristiwa diumumkan kurang dari 7 hari

(Anggota Klinik Pakar tidak sempat menghubungi pesakit untuk memberikan tarikh janji baru)

- 4.2.1. Semua perkhidmatan akan berfungsi seperti biasa kecuali diarahkan untuk tutup oleh ketua jabatan dengan kebenaran Pengarah Hospital.
- 4.2.2. Klinik-klinik/unit yang diarahkan tutup mesti meletakkan sekurang-kurangnya dua orang staf atau lebih bertugas untuk
 - 4.2.2..1. Memberi tarikh temujanji yang baru
 - 4.2.2..2. Menyambung ubat untuk pesakit yang kehabisan bekalan ubat.
- 4.2.3. Klinik-klinik/unit yang menjalankan prosedur akan berfungsi seperti biasa eg Poly OT, Endoskopi, Unit Hemodialisis, Radiologi, Bilik Pembedahan (General OT), Perubatan Nuklear, Bilik Pengambilan Darah (S17) dan Makmal K.
- 4.2.4. Farmasi akan berfungsi seperti biasa tetapi dengan bilangan staf yang akan ditentukan oleh Ketua Jabatan Farmasi.

4.3. Staf akan bertugas 8-5pm atau mengikut masa yang akan ditentukan oleh ketua jabatan masing-masing pada hari berkenaan

4.3.1. Staf yang bertugas 8-5pm pada hari cuti peristiwa dibenarkan untuk mengambil:

- cuti ganti atau
- *time off* atau
- elaun kerja lebih masa untuk kumpulan pelaksana mengikut jumlah jam bertugas dengan persetujuan dari ketua jabatan.

4.3.2. Cuti ganti perlu diambil di dalam tahun semasa dan tidak boleh dibawa ke tahun seterusnya.

4.4. Staf yang telah sedia memohon cuti dibenarkan untuk tidak hadir bertugas pada hari yang berkenaan.

4.5. Polisi ini digunapakai untuk Dewan Bedah Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru.

4.6. Pengarah Hospital akan mengeluarkan arahan Memo Dalaman untuk makluman Ketua Jabatan berkaitan Perkhidmatan Cuti Peristiwa untuk tindakan Ketua Jabatan.

Polisi ini disediakan hasil mesyuarat Pengarah Hospital dan Timbalan-timbalan Pengarah Hospital bersama Ketua-ketua Jabatan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pada 3 Julai 2019. Polisi ini akan berkuatkuasa dengan serta merta dari tarikh diedarkan.

Disediakan oleh:

.....

Dr. Indrani Varathan
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Klinikal)

Disemak oleh:

.....

Dr. Redzuan Ab Hamid
Timbalan Pengarah Hospital
(Pembedahan)

Disahkan oleh:

.....
Dr. Aman Bin Rabu
Pengarah Hospital
HSAJB

PENGENDALIAN KLINIK-KLINIK PAKAR DI POLIKLINIK HOSPITAL

SULTANAH AMINAH (HSAJB) SEMASA CUTI PERISTIWA

